



OUCH!

Surat Berita Bulanan Kesedaran Keselamatan untuk Anda

Pewarisan Digital

Gambaran Keseluruhan

Pernahkah anda memikirkan soalan yang kurang menyenangkan, "Apa yang berlaku kepada kehadiran digital kita apabila kita mati atau menjadi tidak berupaya?" Ramai di antara kita ada atau tahu bahawa kita seharusnya mempunyai wasiat dan senarai semak tentang apa yang perlu diketahui oleh orang yang tersayang sekiranya kita meninggal dunia. Tapi bagaimana pula dengan semua data digital dan akaun dalam talian kita? Patutkah kita mempertimbangkan beberapa jenis wasiat digital? Patutkah kita membuat pelan "warisan digital"?

Fikirkan tentang kehadiran digital anda. Akaun bank dan persaraan, gadai janji rumah, gambar dan video keluarga, akaun rumah pintar, e-mel, dan media sosial hanyalah beberapa contoh yang membentuk jejak digital kita. Sekiranya berlaku kematian anda, atau kematian ahli keluarga terdekat, keluarga dan orang tersayang mungkin memerlukan akses segera kepada akaun atau data tersebut. Di samping itu, data warisan dan akaun dalam talian yang dibiarkan boleh menjadi terdedah kepada penggodam, lalu menempatkan keluarga dan rakan-rakan dalam situasi yang berisiko.

Membuat Pelan

Adalah idea yang baik untuk membincangkan keinginan anda dengan keluarga atau sahabat yang dipercayai, seperti butiran akhir kehidupan yang lain. Tambahan kepada perbualan tersebut, ambil inventori dan dokumentasikan aset digital dan akaun dalam talian anda. Sekiranya anda tidak menyediakan akses kepada akaun-akaun anda setelah anda mati, amat sukar bagi ahli keluarga untuk mengakses atau menutup akaun-akaun tersebut. Sebagai contoh, adakah anda mahu anggota keluarga anda terkunci daripada semua fotografi dan video keluarga bertahun-tahun yang telah anda simpan dalam talian?

Satu idea adalah untuk mendokumenkan kehadiran dalam talian anda dalam pengurus kata laluan. Ia merupakan sebuah program yang menyimpan semua log masuk dan kata laluan anda dengan selamat, kad kredit, dan maklumat sensitif yang lain. Ia direka untuk membuat, menyimpan, dan mengakses kata laluan dan soalan keselamatan dengan lebih mudah. Dalam banyak cara, ini merupakan alat yang berkuasa untuk mengkatalogkan kehadiran digital anda. Dengan pengurus kata laluan, anda juga boleh mengkonfigurasi kata laluan anda untuk berkongsi semua atau kata laluan tertentu dengan ahli keluarga yang dipercayai. Sekiranya anda tidak selesa dengan cara tersebut, dokumenkan akses ke pengurus kata laluan anda dan meteraikan di dalam sampul surat; kemudian sampul surat yang dimeteraikan itu dibuka oleh seorang pelaksana atau ahli

keluarga yang dipercayai setelah anda meninggal dunia. Dengan cara ini, mereka akan mempunyai akses kepada pengurus kata laluan anda dan dapat mengakses akaun anda dan maklumat yang disimpan di sana.

Di samping itu, sesetengah laman web memberikan pilihan untuk mengenal pasti waris atau kenalan yang dipercayai. Sebagai contoh, Facebook membolehkan para pengguna menentukan terlebih dahulu sekiranya mereka ingin akaun mereka dipadam atau dimemorialkan setelah meninggal dunia. Memorial mencipta ruang yang hanya dapat dilihat oleh rakan sedia ada, di mana memori dapat dikongsi. Akhir sekali, anda mungkin ingin mempertimbangkan untuk berurusan dengan peguam atau perancang hartanah yang mengkhusus dalam warisan digital.

Mewarisi Aset Digital

Anda mungkin mendapati diri anda berada di dalam situasi di mana anda perlu memulihkan atau mengakses akaun dalam talian milik rakan atau ahli keluarga yang baru meninggal dunia. Kami cadangkan anda selaraskan dengan peguam dan ahli keluarga yang lain terlebih dahulu sebelum mengambil tindakan. Ahli keluarga yang lain mungkin akan kecewa sekiranya anda mengambil tindakan tanpa merujuk mereka terlebih dahulu. Kemudian, mulakan dengan mengenal pasti mana-mana kata laluan yang boleh anda cari. Adakah ahli keluarga anda menuliskannya atau menyimpannya di mana-mana? Sekiranya itu bukan satu pilihan, bolehkah anda mengakses mana-mana komputer atau peranti mudah alih yang mereka gunakan dan masih dilog masuk? Jika tidak, anda berkemungkinan besar perlu melawati setiap laman web untuk mendapatkan akses kepada akaun ahli yang sudah meninggal dunia. Ini selalunya termasuklah menyediakan sijil kematian dan bukti yang menunjukkan anda mempunyai kaitan dengan ahli keluarga anda. Dalam sesetengah kes, anda tidak akan dapat mengakses akaun atau data yang disimpan di dalam akaun tersebut, tetapi hanya memadamnya. Setiap laman web mengendalikan situasi ini secara berbeza, di mana ia boleh menjadi proses yang memakan masa.

Di dalam dunia digital hari ini, kita bukan sahaja perlu mempertimbangkan aset fizikal, tetapi juga aset digital dalam pelan hartanah masa depan kita.

Editor Jemputan

Cheryl Conley merupakan pakar bidang dalam phishing dan kesedaran di mana pengalamannya termasuklah membantu membina dan mengurus program phishing di Lockheed Martin. Beliau kini menyokong pasukan Kesedaran Keselamatan SANS dan memegang sijil SSAP (SANS Security Awareness Professional).



Sumber

Pengurus Kata Laluan: <http://www.sans.org/u/Y5Y>

Menjadikan Kata Laluan Mudah: <http://www.sans.org/u/Y63>

OUCH! diterbitkan oleh SANS Security Awareness dan diedarkan di bawah lesen Creative Commons BY-NC-ND 4.0. Anda bebas untuk berkongsi atau mengedarkan surat berita ini selagi anda tidak menjual atau mengubahnya. Lembaga Editor: Walt Scrivens, Phil Hoffman, Alan Waggoner, Cheryl Conley